

DNB, UPM bangunkan sandbox sistem udara tanpa pemandu 5G

Digital Nasional Bhd (DNB) menjalin kerjasama strategik dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) membangunkan sandbox sistem udara tanpa pemandu berkuasa 5G pertama di Malaysia bagi operasi Beyond Visual Line of Sight (BVLOS).

Timbalan Menteri Digital, Datuk Wilson Ugak Kumbong, berkata kerjasama strategik itu menandakan langkah besar dalam mengintegrasikan teknologi 5G dan kecerdasan buatan (AI) untuk membolehkan sistem udara tanpa pemandu masa nyata dan mempercepatkan inovasi dalam sektor utama negara.

Beliau berkata, ia juga seiring dengan hasrat kerajaan memupuk inovasi menyeluruh masyarakat serta mewujudkan platform praktikal bagi pelajar, penyelidik, syarikat pemula dan pengawal selia

untuk menguji dan mengembangkan teknologi baharu.

"Apa yang dahulunya kedengaran seperti fiksi sains kini semakin hampir menjadi kenyataan. Dengan ekosistem yang betul, selamat, tersusun dan dikawal selia dengan baik, kita boleh mengubah sistem dan kenderaan udara tanpa pemandu daripada alat eksperimen kepada penyelesaian praktikal untuk manfaat awam," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan majlis Memorandum Persefahaman (MoU) antara UPM dan DNB di Serdang, semalam.

Mengulas mengenai MoU itu, Ketua Pegawai Eksekutif DNB, Datuk Azman Ismail, berkata UPM akan membangunkan sandbox sistem udara tanpa pemandu dunia sebenar yang disokong oleh sambungan 5G dan keupayaan AI.

Beliau berkata, inisiatif itu me-

rangkumi empat zon khusus iaitu mobiliti udara bandar, pertanian, robotik autonomi dan penjagaan kesihatan yang direka untuk menyokong penyelidikan, ujian dan pelaksanaan komersial sistem AI dan blockchain.

Menurutnya, kerjasama itu juga menyokong aspirasi Kementerian Digital untuk meletakkan Malaysia sebagai peneraju serantau dalam teknologi masa depan, selaras dengan persiapan negara menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN AI Malaysia 2025.

Katanya, Sandbox AI UPM dijangka menjadi kajian kes dalam pelaksanaan AI dunia sebenar yang bertanggungjawab semasa sidang tersebut.

"Kerjasama ini mencerminkan visi bersama kami untuk membina ekosistem digital yang berdaya tahan, memperkasa bakat tempa-



Wilson (tengah) menyaksikan Dr Ahmad Farhan (duduk kiri) dan Azman menandatangani MoU di Serdang, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

tan dan memacu inovasi inklusif.

"Dengan menggabungkan rangkaian 5G nasional dan kekuatan akademik UPM, kami sedang meletakkan asas bagi operasi sistem udara tanpa pemandu yang boleh diskalakan dan mampu mengubah pelbagai industri," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Datuk Prof Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah, pula menyatakan bahawa kerjasama ini akan menjadikan UPM seba-

gai universiti pertama yang dilengkapi dengan infrastruktur rangkaian 5G secara langsung daripada DNB.

"Kemudahan ini dijangka mempercepatkan pelaksanaan penyelidikan, pengkomersialan hasil inovasi serta pembangunan teknologi baharu dalam bidang kecerdasan buatan, Internet Kebendaan (IoT) dan sistem automasi khususnya dalam industri pertanian dan bioteknologi," katanya.